

**TAHAP KEFAHAMAN MAHASISWA DI NEGERI SELANGOR TERHADAP  
ISU DALAM ILMU PERBANDINGAN AGAMA  
THE LEVEL OF UNDERSTANDING AMONG STUDENTS IN SELANGOR ON  
THE ISSUES IN COMPARATIVE RELIGION**Nazneen binti Ismail<sup>1\*</sup>, Aemy Elyani Mat Zain<sup>2</sup>, Norsaadah Nasiruddin<sup>3</sup><sup>1</sup> Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nazneen@kuis.edu.my<sup>2</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, aemy@kuis.edu.my.<sup>3</sup> Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norsaadah@kuis.edu.my.

\* Penulis Penghubung (Arial 8-pt)

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

Konflik antara umat manusia boleh berpunca daripada perbezaan yang ada sesama mereka seperti budaya, warna kulit, agama dan kepercayaan. Bagi negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang agama dan kaum, masalah ini tidak dapat dinafikan apabila terdapat isu yang menyentuh sensitiviti antara agama dari masa ke masa seperti isu penggunaan kalimah Allah, salah faham terhadap ajaran agama lain, gangguan terhadap rumah-rumah ibadah dan seumpamanya. Justeru, pendekatan perbandingan agama merupakan salah satu kaedah yang dilihat boleh mendidik masyarakat agar bersikap lapang dada dan bertolak ansur dalam menerima perbezaan antara agama ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa universiti awam di Selangor terhadap ilmu perbandingan agama serta menganalisis perbezaan signifikan tahap kefahaman mereka berdasarkan fakulti pengajian. Metodologi kajian yang digunakan ialah kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada 379 orang mahasiswa di empat buah universiti awam di Selangor. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman mahasiswa terhadap isu-isu berkaitan perbandingan agama berada pada tahap tinggi dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berhubung tahap kefahaman mereka berdasarkan fakulti pengajian. Ini membuktikan bahawa mahasiswa bersikap terbuka dalam menilai perbezaan antara agama dan ia perlu ditambah baik melalui peranan pemerintah dan tokoh-tokoh agama agar sebarang isu antara agama yang timbul boleh ditangani dengan baik dan bijaksana.

**Kata kunci**

Ilmu perbandingan agama, toleransi agama, keharmonian beragama, dialog antara agama, konflik antara agama

**Abstract**

*Religious conflict can be happened because of the differences between people in terms of culture, ethnicity, religion and theology. Malaysia is a multi-racial and multi-religious country, all these differences cannot be denied when inter-religious conflict occurs through sensitive issues such as the issue of using Allah's name, misunderstanding the teachings of other religions and interference with houses of worship. Hence, comparative religion is one of the ways to enhance*

and educate all multi-religious societies to be open-minded and tolerant in respecting the differences between religions. The purpose of this study is (i) to identify the level of understanding among public university students in Selangor on the issues in comparative religion and (ii) to analyze the different significance of the understanding based on their faculty at the university. The methodology of study is a quantitative design based on an exploration study. A set of questionnaire conducted to 379 students in four universities in Selangor. The finding showed that the level of understanding among university students regarding issues in comparative religion is at a high level. There is no difference in significance based on their faculty of study also. These showed that the university's students are open to learning the differences among people of other religions to enhance the harmonious co-existence among people of religions. Nevertheless, it can be improve through the role of government dan religious scholars so any religious issues can be handle wisely.

### **Keywords**

*Comparative Religion, religious tolerance, religious harmonious, inter faith dialogue, inter-religious conflict*

---

## **1. Pendahuluan**

Ilmu perbandingan agama merupakan ilmu yang berusaha untuk memahami gejala-gejala keagamaan dari satu kepercayaan (agama) dalam hubungannya dengan agama lain (Pulungan, 2014). Ilmu ini juga bersifat mandiri dan anjal yang boleh merentasi disiplin ilmu lain kerana tumpuannya dalam membahaskan agama dari pelbagai aspek termasuk sejarah, kepercayaan, amalan dan akhlak (Wan Razali, 2017).

Melalui ilmu ini, kesedaran berkaitan kepercayaan dan agama lain boleh diperolehi selain memperkukuhkan lagi kepercayaan dan agama sendiri (Abdullah et al. 2016; HM Zainuddin, 2013). Ilmu ini juga memberi pendedahan kepada masyarakat tentang sensitiviti agama lain yang tidak wajar diganggu supaya konflik antara agama dan isu etnosentrisme dapat dielakkan (Hamid & Khambali, 2015; Hadi Kusuma & Susilo, 2020). Maka, masyarakat akan mempunyai rasa hormat terhadap kepercayaan dan agama lain, bersikap toleransi dan mencegah sebarang bentuk kekerasan terhadap orang lain atas dasar kemanusiaan (Muthaliff et al., 2016; Nur Farhana, 2016). Interaksi harmoni sesama anggota masyarakat ini seterusnya menjadi penyumbang kepada keharmonian sosio-agama dalam masyarakat (Abdullah et al., 2016; Meerangani et al., 2018; Rahman et al., 2020).

Atas kepentingan dan peranan ilmu ini dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni, maka para ulama telah memberi perhatian khusus dalam menghasilkan karya berkaitan. Usaha ini tentunya berlandaskan sumber utama ajaran Islam iaitu al-Quran dan hadis. Al-Quran telah menyatakan tentang kewujudan agama lain selain Islam seperti Yahudi, Nasrani, Majusi, penyembah berhala, penyembah bintang dan lain-lain. Antara ayat yang menyebutkan agama-agama selain Islam ini ialah dalam Surah Ali Imran, ayat 67 yang bermaksud: *Ibrahim bukan seorang Yahudi dan bukan (pula) seorang Nasrani, akan tetapi dia adalah seorang yang lurus lagi berserah diri (kepada Allah) dan sekali-kali bukanlah dia termasuk golongan orang-orang musyrik.*

Ayat ini mengandungi persoalan di sebaliknya iaitu sejauh mana kebenaran dakwaan Yahudi bahawa Nabi Ibrahim AS merupakan sebahagian daripada mereka sedangkan baginda hidup sebelum daripada zaman penurunan Taurat kepada Nabi Musa AS?

Begitu juga dengan dakwaan bahawa baginda merupakan seorang Nasrani sedangkan antara zaman baginda dengan zaman Nabi Isa AS itu amat jauh sela masanya. Malah, dikatakan tempoh masa antara Nabi Ibrahim AS dengan Nabi Musa AS ialah 700 tahun manakala antara Nabi Ibrahim AS dengan Nabi Isa AS ialah 1000 tahun. Justeru, Allah SWT menolak dakwaan mereka yang tidak berasas dan tidak berdasarkan hakikat sebenar. Dalam ayat ini juga, Allah SWT menegaskan bahawa Nabi Ibrahim AS sama sekali bukan daripada golongan musyrikin penyembah berhala tetapi baginda merupakan seorang yang mematuhi perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya. Ciri ini hanya ada pada orang Islam yang benar-benar beriman dan tidak ada pada Yahudi juga Nasrani (al-Zuhaili, 2003).

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 30 yang bermaksud: *Orang-orang Yahudi berkata: "Uzair itu putera Allah" dan orang-orang Nasrani berkata: "Al Masih itu putera Allah". Demikianlah itu ucapan mereka dengan mulut mereka, mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu. Dilaknati Allah mereka, bagaimana mereka sampai berpaling?*

Ayat ini menunjukkan kepercayaan syirik yang ada pada Yahudi dan Nasrani dengan mereka menisbahkan anak kepada Allah SWT. Sedangkan kedua-dua mereka iaitu Uzair dan al-Masih AS merupakan makhluk dan hamba Allah SWT. Dakwaan ini semata-mata ikutan daripada perkataan orang terdahulu terutama para pendeta Yahudi dan Nasrani yang dianggap mempunyai taraf sama seperti Tuhan dalam menetapkan aturan halal haram semua perkara (al-Zuhaili, 2003).

Berasaskan hadis, Rasulullah SAW juga menggunakan pendekatan perbandingan agama sebagai salah satu kaedah berdakwah dan juga kaedah untuk menjelaskan perbezaan Islam dengan agama lain seperti Yahudi dan Nasrani. Antara hadis Rasulullah SAW berkaitan ialah:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فَصَلُّ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ، أَكَلَةُ السَّحَرِ

Maksudnya:

Daripada Amr Ibn al-As RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Perbezaan antara puasa kita dengan puasa Ahli Kitab adalah memakan sahur.

Muslim, no 1096

عَنْ أَبِي عُمَيْرِ بْنِ أَنَسٍ، عَنْ عُمُومَةَ لَهَا مِنَ الْأَنْصَارِ، قَالَ: اهْتَمَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلصَّلَاةِ كَيْفَ يَجْمَعُ النَّاسَ لَهَا، فَقِيلَ لَهُ: أَنْصِبْ رَأْيَةَ عِنْدَ حُضُورِ الصَّلَاةِ فَإِذَا رَأَوْهَا آذَنَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا، فَلَمْ يُعْجِبْهُ ذَلِكَ، قَالَ: فَذَكَرَ لَهُ الْقُنْعُ - يَعْنِي الشُّبُورَ وَقَالَ زِيَادٌ: شُبُورُ الْيَهُودِ - فَلَمْ يُعْجِبْهُ ذَلِكَ، وَقَالَ: «هُوَ مِنْ أَمْرِ الْيَهُودِ» قَالَ: فَذَكَرَ لَهُ النَّاقُوسُ، فَقَالَ: «هُوَ مِنْ أَمْرِ النَّصَارَى»

Maksudnya:

Daripada Abu Umair bin Anas dari sebahagian pakciknya dari kalangan Ansar, dia berkata; Nabi SAW sangat mementingkan perkara solat, bagaimana cara mengumpulkan orang-orang untuk mengerjakan solat. Maka dikatakan kepada beliau;

Tegakkanlah bendera ketika waktu solat telah tiba. Apabila mereka melihatnya, maka sebahagian akan memberitahu kepada yang lain. Namun cadangan itu tidak disukai baginda. Disebutkan juga kepada beliau, trompet, -kata Ziyad; Trompet adalah (simbol) Yahudi- pendapat ini juga tidak disukai baginda dan bersabda: "Itu termasuk perbuatan orang Yahudi. "Disebutkan pula kepada beliau SAW supaya memakai loceng, beliau bersabda: "Itu perbuatan orang Nasrani".

Abu Daud, no 498

Apabila menyoroti sejarah pula, telah dibuktikan bahawa para ilmuwan Muslim memainkan peranan penting dalam perbincangan ilmiah berkaitan perbandingan agama. Antara karya dalam perbandingan agama di Dunia Islam ialah *al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal* karangan Ibn Hazm (w. 456H), *al-Milal wa al-Nihal* karangan al-Shahrastani (w. 548H) serta *Izhar al-Haqq* karangan al-Kairanawi (w. 1308H). Kesemua tokoh ini menunjukkan hasil kajian yang sistematik berhubung asas utama dalam agama-agama selain daripada Islam. Malah, karya *al-Milal wa al-Nihal* misalnya mengumpulkan dan menghuraikan pelbagai kepercayaan termasuk ideologi falsafah yang diimani oleh sebahagian masyarakat pada ketika itu. Penulisan yang dihasilkan ini pula sememangnya ilmiah dan tidak bertujuan untuk mengutuk agama lain tetapi lebih kepada menunjukkan perbezaan antara agama berdasarkan hakikat agama itu sendiri (Wan Razali et al 2017). Perbincangan dalam perbandingan agama ini diteruskan lagi oleh para ulama kontemporari seperti Ahmed Hoosen Deedat (1918-2005) yang menulis lebih daripada 10 buah karya menjurus kepada perbandingan antara Islam dan Kristian (Aemy Elyani & Jaffary, 2018; Aemy Elyani & Nur Azimah, 2017).

## 2. Isu-Isu dalam Ilmu Perbandingan Agama

Bagi kajian ini, pengkaji mengetengahkan isu berkaitan ilmu perbandingan agama berdasarkan empat aspek iaitu teologi, kemanusiaan, toleransi agama dan dialog antara agama.

### 2.1 Teologi

Aspek ketuhanan merupakan paksi kepada perbezaan antara agama. Islam sebagai agama tauhid menegaskan keimanan kepada keEsaan Allah SWT dan penafian terhadap kepelbagaian tuhan serta kuasa selain Allah SWT sebagai kayu ukur utama yang membezakan ajaran Islam dengan agama lain (Al-Quran 112:1-4). Al-Quran juga banyak menjelaskan tentang perbezaan antara Islam dengan agama seperti Yahudi dan Nasrani seperti dalam surah al-Taubah ayat 30 yang menunjukkan bagaimana orang Yahudi mendakwa Uzair sebagai anak Allah SWT manakala Nasrani mempercayai bahawa Nabi Isa sebagai anak Allah SWT. Kedua-duanya dicela dengan keras atas kesesatan mereka sendiri. Selain itu, al-Quran juga menjelaskan adanya golongan penyembah berhala dan yang menyembah selain Allah SWT iaitu golongan musyrik (al-Quran 6:74, 108) serta mereka yang mengingkari hari pembalasan (al-Quran 45:24).

Berkait dengan hubungan antara manusia dengan tuhan juga terdapatnya satu konsep yang disebut sebagai kenabian. Peranan nabi dimaklumi sebagai perantara antara komunikasi langit atau wahyu dengan manusia secara umumnya bagi tujuan mengenal tuhan, kehendak-Nya dan sunnah-Nya. Konsep ini diterima dalam semua agama sama

ada Islam mahupun selainnya. Dalam Islam, kesemua nabi membawa risalah yang sama iaitu mentauhidkan Allah SWT. Justeru, sesiapa yang mengingkari salah seorang nabi atau rasul maka ia bererti mengingkari kesemua mereka (Thoha, 2010). Dalam agama samawi lain seperti Yahudi, mereka mempercayai bahawa para nabi merupakan utusan Tuhan yang dipilih oleh-Nya dari kalangan siapa sahaja yang Dia kehendaki. Tujuannya untuk menyampaikan berita dan pesanan utama yang akan mengubah hidup manusia. Manakala dalam agama Kristian, para nabi ialah mereka yang bertanggungjawab untuk menyampaikan pesanan Allah SWT kepada bangsa Israel khususnya para pendeta mereka supaya tidak melakukan penyelewengan moral dan salah guna terhadap firman Tuhan. Malah, sebahagian aliran Kristian menganggap bahawa nabi masih ada sehingga ke hari ini sebagai pemimpin gereja menuju kejayaan rohani (M. Ryan, 2021).

## 2.2 Kemanusiaan

Islam sebagai agama universal tidak mendiskriminasi mana-mana kaum, bangsa dan agama kerana kesemua umat manusia dilihat sebagai satu kelompok yang mempunyai hak dan kewajipannya yang tersendiri. Kewujudan umat Islam itu sendiri mempunyai dua peranan iaitu sebagai hamba (al-Quran 51:56) dan khalifah (al-Quran 2:30). Atas dua tujuan utama ini, tidak layak bagi seorang Muslim untuk melakukan penindasan ke atas orang lain meskipun mereka berbeza agama dan kepercayaan. Malah, perbezaan jantina, bangsa dan suku puak ini adalah sebahagian daripada *sunnatullah* yang perlu diterima untuk hidup secara harmoni di atas muka bumi (al-Quran 49:13). Ini kerana kesemua manusia yang ada sehingga ke hari ini berasal daripada nenek moyang yang sama iaitu Nabi Adam AS dan isterinya, Hawa (al-Quran 4:1, 7:189). Maka, atas rasa kebersamaan ini membolehkan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang dapat mencari persamaan dan persetujuan dalam isu-isu tertentu supaya konflik dapat dihindari.

Dalam Islam, setiap manusia mempunyai hak yang tersendiri berdasarkan prinsip maqasid syariah. Islam mengiktiraf kebebasan manusia daripada sebarang ketidakadilan dan kezaliman sekali gus mengiktiraf kemuliaan manusia berbanding makhluk-makhluk lain. Prinsip asas hak asasi manusia ini terdiri di atas prinsip menjaga agama, akal, maruah, harta dan keturunan. Kesemua ini mempunyai hubungan langsung dengan hak dan kebebasan manusia seperti kebebasan berfikir, kebebasan bergerak, kebebasan untuk mendapat pendidikan, kebebasan berkahwin dan sebagainya. Hak sebagai manusia ditentukan oleh Allah SWT kerana tabii kemanusiaan bukan penentu kepada hak asasinya sendiri tetapi sebagai wasilah untuk mencapai hak dan tanggungjawab yang ditetapkan Allah SWT ke atasnya. Antara hak manusia yang ada dalam Islam ialah kebebasan beragama (Nisar & Mohamad Mahyeddin, 2018).

## 2.3 Toleransi agama

Toleransi diertikan sebagai pemberian kebebasan kepada sesama manusia untuk mengatur hidup dan mewujudkan perdamaian dalam masyarakat (Umar Hasyim, 1979). Islam menggalakkan sikap toleransi demi kebajikan bersama. Namun begitu, toleransi mestilah disandarkan kepada asas tertentu supaya dapat dipraktikkan

bersama (Abdul Rahman, 2001). Sikap toleransi yang dimaksudkan adalah seperti yang dijelaskan dalam al-Quran yaitu semua perkara dan usaha yang mendorong kepada amal kebajikan serta berlaku adil kepada penganut agama lain dan tidak memerangi orang Islam kerana agamanya (al-Quran 60:8). Toleransi juga bermaksud tidak mengganggu penganut agama lain dan kepercayaan mereka (al-Quran 109:5) serta tidak memaksa mereka untuk memeluk Islam (al-Quran 2:256; 10: 40-41, 99). Namun, wajib bagi setiap Muslim berdakwah kepada mereka untuk menunjukkan kebenaran akidah tauhid berbanding kemusyrikan yang mereka percayai (al-Quran 18: 29). Toleransi beragama boleh disimpulkan sebagai bertolak ansur dalam membenarkan penganut-penganut agama lain menganut agama mereka secara bebas tanpa ada halangan. Namun begitu, sebagai seorang muslim tidak boleh sesekali membenarkan dan meyakini bahawa agama selain Islam itu adalah benar atau sama dengan agama Islam (Mahmad et al, 2018).

Al-Qardawi (1989) membahagikan toleransi dalam Islam kepada tiga aspek. Peringkat toleransi paling rendah ialah dengan membiarkan orang lain selain Islam mengamalkan cara hidupnya sendiri. Selain itu, tidak memaksanya untuk mengikuti agama Islam dengan ugutan bunuh, penyeksaan, merampas harta benda, buang daerah dan sebagainya sekiranya ia enggan memeluk Islam. Kedua ialah peringkat toleransi yang sederhana iaitu dengan memberikannya hak untuk menganut apa saja agama dan mazhab yang disukainya, kemudian orang Islam tidak memaksanya agar meninggalkan sesuatu yang dipercayainya wajib atau melakukan sesuatu yang dipercayainya haram. Sebagai contoh iaitu seorang Yahudi yang percaya bahawa haram ke atasnya menjalankan kerja pada hari Sabtu, maka tidaklah harus dipaksanya supaya bekerja pada hari itu, kerana jika ia melakukannya juga maka ia akan merasa sebagai suatu penentangan terhadap agamanya. Jika seseorang itu penganut agama Kristian dan percaya bahawa ia wajib menghadiri gereja pada hari Ahad maka tidaklah harus dilarangnya pergi ke gereja pada hari itu. Ketiga ialah peringkat toleransi yang paling tinggi iaitu apabila seseorang Muslim tidak melarang orang yang berlainan agama dengannya melakukan sesuatu yang mereka percaya halal pada sisi agama dan mazhab mereka, biarpun kita mempercayai bahawa perkara itu adalah haram menurut agama dan mazhab kita (orang Islam). Inilah toleransi yang diamalkan oleh orang-orang Islam terhadap orang-orang yang berlainan agama dengan mereka yang terdiri dari ahl al- dhimmah. Dalam erti kata lain, orang Islam memberikan kebebasan kepada non-muslim. Malah, orang Islam tidak bersikap campur tangan dalam hal keagamaan mereka.

#### 2.4 Dialog antara agama

Islam telah merintis amalan dialog antara agama menerusi tradisi para Rasul yang sentiasa berdialog dengan kaum mereka daripada pelbagai fahaman dan agama. Dialog ini bukan bersifat interaksi semata-mata, akan tetapi berkait rapat dengan konsep dakwah yang bertujuan mengajak kaum mereka kepada jalan kebenaran. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 125 yang bermaksud: "*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.*"

Dialog perlu disertai dengan sikap keterbukaan dan kesediaan untuk mendengar pandangan pihak lain biarpun wujud perbezaan pandangan dalam topik yang dibincangkan. Berbeza dengan perdebatan yang lazimnya berpegang kepada pandangan peribadi disertai sikap taasub terhadap apa yang dipegang. Bentuk dialog antara agama dalam al-Qur'an dirakamkan dalam banyak ayat, khususnya dengan menggunakan perkataan yang memberi maksud kepada dialog itu sendiri. Antaranya seperti dialog antara Nabi Nuh AS dengan kaumnya (al-Quran 11: 25-29), dialog dengan Ahli Kitab (al-Baqarah 2: 111-112) dan dialog Nabi Soleh AS dengan kaumnya (al-Quran, 11:63). Dialog-dialog antara agama yang dirakam dalam al-Quran dan juga hadis secara asasnya merujuk kepada interaksi antara dua pihak dengan tujuan berkongsi pandangan dan pengajaran yang tidak terpisah daripada konteks dakwah.

### 3. Latar Belakang Kajian

Perasaan beragama adalah antara fitrah yang terdapat dalam diri insan. Ia wujud seiring dengan penciptaan manusia itu sendiri dan berkembang seiring dengan perkembangan zaman. Maka, kepelbagaian cara berfikir dan kepercayaan ini telah menimbulkan pelbagai polemik antara manusia contohnya antara kaum Muslimin dengan Kristian dalam isu seperti kepercayaan kepada Jesus, kenabian Rasulullah SAW dan kedudukan Bible sebagai wahyu (Al-Mubarakfuri. 2005). Kegagalan memahami perbezaan pandangan dalam agama boleh menyebabkan berlakunya penolakan terhadap ilmu dan tokoh perbandingan agama seperti kehadiran Ahmed Deedat ke Malaysia pada 1992 yang menjadi pertikaian dalam masyarakat (Rafiq & Haroon. 2015). Hal yang sama berlaku kepada Zakir Naik yang datang memberi syarahan di Malaysia pada tahun 2016 telah disalah tafsir sebagai usaha memecahbelahkan masyarakat (Israr, 2016).

Tambahan pula, jika isu berkait dengan sensitiviti agama tidak ditangani dengan baik dan ilmiah ia akan mengundang kepada keganasan dalam masyarakat seperti yang berlaku kepada Muslim Ambon di Indonesia dan Muslim Rohingya di Myanmar. Kajian Rahman dan Muhammad Shah (2020) mendapati bahawa isu yang paling sensitif dalam konteks teologi atau ketuhanan ialah berkaitan kitab suci dan amalan keagamaan manakala dalam konteks sosial, isu yang menyentuh sensitiviti agama ialah melibatkan serangan atau usaha merosakkan tempat ibadah. Selain itu, penghinaan terhadap badan-badan keagamaan juga dianggap sebagai punca konflik antara agama yang berkait dengan konteks etika.

Bagi mengekang isu konflik antara agama ini daripada terus meruncing, maka pendekatan perbandingan agama seperti dialog antara agama merupakan sesuatu yang perlu dilakukan untuk memberi pendedahan tentang dasar dan amalan agama-agama (Rahimin Affandi et al., 2011). Tumpuan khusus juga perlu diberikan kepada pada belia agar mereka terdedah dengan pergaulan dan interaksi dengan kaum berbeza agar tingkahlaku toleransi antara penganut yang berbeza dapat dikekalkan (Fazilah et al., 2019) Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa universiti awam di Selangor terhadap ilmu perbandingan agama serta menganalisis perbezaan signifikan tahap kefahaman mereka berdasarkan fakulti pengajian di universiti.

### 4. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Rekabentuk ini dipilih kerana bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa berhubung isu perbandingan agama. Kajian ini melibatkan mahasiswa yang belajar di Universiti Awam (UA) di Selangor iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kaedah pemilihan sampel yang digunakan ialah pensampelan secara rawak dan jumlah sampel responden kajian ialah seramai 379 orang berbanding anggaran populasi berjumlah lebih daripada 200 ribu orang.

Bagi instrumen kajian, satu set soal selidik telah diedarkan kepada 500 orang mahasiswa untuk dijawab secara sukarela. Penggunaan soal selidik merupakan kaedah yang efisien dalam mekanisme kutipan data. Ini kerana penyelidik mengetahui maklumat yang diperlukan dan bagaimana mengukur pemboleh ubah yang dikenal pasti (Sekaran & Bougie, 2016). Soalan yang dikemukakan menggunakan Skala Likert 5 mata dengan skala 1 (sangat tidak setuju) sehingga skala 5 (sangat setuju). Jadual 1 menunjukkan taburan soal selidik berdasarkan konstruk.

Jadual 1 Taburan soalan berdasarkan konstruk

	<b>Konstruk</b>	<b>Soalan</b>
1	Teologi	C01-C06
2	Kemanusiaan	C07-C11
3	Toleransi beragama	C12, C17-C20
4	Dialog antara agama	C13-C16

Sumber: Soal selidik 2018

Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa berkaitan isu-isu perbandingan agama. Interpretasi skor min yang digunakan ialah seperti dalam jadual 2.

Jadual 2 Interpretasi skor min

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Rendah

Sumber: Ghazali & Sufean, 2018

Bagi menganalisis perbezaan signifikan tahap kefahaman ilmu perbandingan agama berdasarkan fakulti pengajian, analisis inferensi menggunakan ANOVA Satu Hala telah digunakan.

## 5. Dapatan dan Perbincangan Kajian

### 5.1 Demografi responden

Bahagian ini menganalisis latar belakang responden yang mengandungi maklumat peribadi seperti jantina, umur, fakulti dan tempat pengajian. Perbincangan analisis adalah berdasarkan nilai kekerapan dan peratusan.

Jadual 3 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	82	21.6
Perempuan	297	78.4
Jumlah	379	100

Sumber: Soal Selidik 2018

Jadual 3 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina. Secara keseluruhannya, sebanyak 379 responden telah terpilih untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan. Sebanyak 82 orang lelaki atau meliputi sebanyak 21.6% terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini. Manakala responden perempuan yang terlibat terdiri daripada 297 orang atau 78.4%. Ini menunjukkan responden perempuan lebih ramai terlibat berbanding responden lelaki dalam penyelidikan ini. Ini adalah sesuai dengan data enrolmen ke universiti yang menunjukkan jumlah pelajar perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki.

Jadual 4 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
20 - 25 tahun	340	89.7
26- 30 tahun	23	6.1
31-35 tahun	8	2.1
36- 40 tahun	4	1.1
41-45 tahun	2	0.5
46-50 tahun	2	0.5
Jumlah	397	100.0

Sumber: Soal Selidik 2018

Berdasarkan jadual 4, hampir majoriti peserta kajian terdiri daripada mereka yang berada dalam lingkungan umur antara 20-25 tahun. Bilangan ini didapati berkurangan seiring dengan tahap umur yang lebih tinggi. Ini adalah selari dengan suasana di universiti di mana mahasiswa yang berada di peringkat prasiswazah adalah lebih ramai berbanding pasca siswazah. Di samping itu, kajian ini melibatkan edaran soal selidik secara bersemuka yang mempunyai kebarangkalian lebih besar untuk bertemu dengan pelajar prasiswazah berbanding pasca siswazah yang belajar secara separuh masa.

Jadual 5 Fakulti Pengajian Responden

Fakulti	Bilangan	Peratus (%)
Pengajian Islam	41	10.8
Sains Sosial	51	13.5
Sains Tulen	116	30.6
Pendidikan	16	4.2
Ekonomi	38	10.0
Bahasa	37	9.8
Lain-lain	80	21.1
Jumlah	397	100.0

Sumber: Soal selidik 2018

Berdasarkan dapatan, satu pertiga responden kajian merupakan mereka yang menuntut di fakulti sains tulen. Ciri fakulti tersebut juga memungkinan mereka bergaul dengan rakan-rakan berlainan agama di samping para pensyarah yang pelbagai anutan. Ini berbeza dengan mereka yang memilih fakulti Pengajian Islam yang kesemuanya adalah terdiri daripada pelajar beragama Islam dan begitu juga para pensyarahnya.

Jadual 6 Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Universiti

Universiti	Bilangan	Peratus (%)
UKM	134	35.4
UiTM	118	31.1
UPM	127	33.5
Jumlah	397	100.0

Sumber: Soal selidik 2018

Jadual 6 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden di Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu sebanyak 134 responden iaitu 35.4%. Selain itu seramai 118 orang responden di Universiti Teknologi Mara iaitu 31.1% dan selebihnya iaitu 127 responden di Universiti Putra Malaysia dengan peratusan 33.5%.

## 2.1 Tahap kefahaman mahasiswa di Negeri Selangor terhadap Ilmu Perbandingan Agama

Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman mahasiswa tentang isu-isu perbandingan agama berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.16. Jadual 7 menunjukkan tahap kefahaman mahasiswa tentang isu-isu perbandingan agama.

Jadual 7 Tahap Kefahaman Mahasiswa Tentang Isu-Isu Perbandingan Agama

Bil	Item	STS	TS	Sd	S	SS	Min	Interpretasi
C01	Saya memahami bahwa agama lain turut mempunyai kitab suci sebagai pegangan.	0	1 (0.3%)	16 (4.2%)	200 (52.8%)	162 (42.7%)	4.38	Tinggi
C02	Saya memahami bahwa agama lain turut mempunyai konsep kenabian.	3 (0.8%)	16 (4.2%)	151 (39.8%)	138 (36.4%)	71 (18.7%)	3.68	Sederhana Tinggi
C03	Saya memahami agama lain mempunyai unsur monotesme (Tuhan yang satu).	18 (4.7%)	66 (17.4%)	108 (28.5%)	125 (33%)	62 (16.4%)	3.39	Sederhana Tinggi
C04	Konsep monotesme berbeza dengan konsep tauhid dalam agama Islam.	4 (1.1%)	16 (4.2%)	160 (42.2%)	122 (32.2%)	77 (20.3%)	3.66	Sederhana Tinggi
C05	Saya memahami bahwa semua agama mempunyai konsep pembalasan yang berbeza.	2 (0.5%)	19 (5.0%)	102 (26.9%)	183 (48.3%)	73 (19.3%)	3.81	Sederhana Tinggi
C06	Saya memahami bahwa semua agama mempunyai kepercayaan yang berbeza mengenai konsep kehidupan	0	2 (.5%)	44 (11.6%)	195 (51.5%)	138 (36.4%)	4.24	Tinggi

	selepas mati.							
C07	Saya memahami bahawa semua manusia berasal daripada Adam.	2 (0.5%)	4 (1.1%)	42 (11.2%)	128 (33.8%)	203 (53.6%)	4.39	Tinggi
C08	Saya memahami bahawa perbezaan agama tidak menjadi penghalang untuk berlaku adil.	0	0	28 (7.4%)	156 (41.2%)	195 (51.5%)	4.44	Tinggi
C09	Saya memahami bahawa semua agama tidak menyokong keganasan.	1 (0.3%)	6 (1.6%)	19 (5%)	149 (39.3%)	204 (53.8%)	4.45	Tinggi
C10	Saya memahami bahawa semua manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah.	0	2 (0.5%)	28 (7.4%)	146 (38.5)	203 (53.6%)	4.45	Tinggi
C11	Saya memahami setiap agama mempunyai nilai-nilai kesejagatan yang sama.	1 (0.3%)	3 (0.8%)	54 (14.2%)	165 (43.5%)	156 (41.2%)	4.25	Tinggi
C12	Saya memahami bahawa semua agama mementingkan keharmonian antara agama.	0	4 (1.1%)	28 (7.4%)	161 (42.5%)	186 (49.1%)	4.40	Tinggi
C13	Saya berpandangan bahawa dialog antara agama tidak boleh bersifat merendahkan agama lain.	1 (0.3%)	2 (0.5%)	36 (9.5%)	139 (36.7%)	201 (53%)	4.42	Tinggi

C14	Kepelbagaian agama dan kepercayaan di Malaysia boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui pendekatan dialog antara agama.	1 (0.3%)	3 (0.8%)	54 (14.2%)	188 (49.6%)	133 (35.1%)	4.18	Tinggi
C15	Dialog antara agama dalam Islam perlu berlandaskan tauhid dan ilmu perbandingan agama.	1 (0.3%)	7 (1.8%)	45 (11.9%)	178 (47%)	148 (39.1%)	4.23	Tinggi
C16	Ajaran kitab suci dalam setiap agama menggalakkan lagi jalinan dialog antara agama.	1 (0.3%)	2 (0.5%)	120 (31.7%)	162 (42.7%)	94 (24.8%)	3.91	Sederhana Tinggi
C17	Toleransi dalam Islam bukan bermaksud memandang rendah terhadap agama lain.	3 (0.8%)	1 (0.3%)	23 (6.1%)	162 (42.7%)	190 (50.1%)	4.41	Tinggi
C18	Saya memahami bahawa Islam bersifat terbuka terhadap amalan dan budaya agama lain.	0	7 (1.8%)	40 (10.6%)	162 (42.7%)	170 (44.9%)	4.31	Tinggi
C19	Saya memahami bahawa toleransi dalam Islam tidak berlaku dalam isu akidah.	4 (1.1%)	9 (2.4%)	129 (34%)	120 (31.7%)	117 (30.9%)	3.89	Sederhana Tinggi

C20	Saya memahami bahawa Islam agama yang benar tanpa menafikan kewujudan agama lain.	3 (0.8%)	1 (0.3%)	41 (10.8%)	131 (34.6%)	203 (53.6%)	4.41	Tinggi
-----	---	-------------	-------------	---------------	----------------	----------------	------	--------

Soal Selidik 2018

Berdasarkan dapatan daripada item C01, didapati majoriti responden (95.5%) memahami bahawa agama lain turut mempunyai kitab suci sebagai pegangan. Manakala bagi item C02, lebih daripada separuh responden (55.1%) bersetuju bahawa agama lain turut mempunyai konsep kenabian namun bakinya tidak mempunyai pengetahuan tentang perkara tersebut. Berkaitan item C03, tidak sampai separuh responden (49.4%) memahami bahawa terdapat unsur monoteisme dalam agama lain. Namun, separuh daripada mereka (52.5%) memahami bahawa sekali pun konsep monoteisme wujud dalam agama lain ia tetap berbeza dengan konsep ketauhidan dalam Islam. Antara monoteisme dan tauhid pada zahirnya ia merujuk kepada kepercayaan kepada Tuhan yang satu. Namun, pada dasarnya Tauhid dalam Islam mengajarkan bahawa Allah SWT adalah Maha Esa, Maha Tinggi daripada sekalian makhluk dan sama sekali tidak menyerupai makhluk. Sedangkan monoteisme yang ada dalam agama lain seperti Hindu, Kristian dan Yahudi membawa maksud mengakui keesaan Tuhan tetapi dalam masa yang sama beribadat kepada makhluk lain yang dianggap sebagai Tuhan. Monoteisme ini jelas membawa konotasi syirik atau politeisme yang bertentangan dengan tauhid dalam Islam (Nurhanisah et al., 2021).

Selanjutnya, lebih daripada separuh responden (67.6%) memahami bahawa semua agama mempunyai konsep pembalasan yang berbeza. Dapatan ini seiring dengan persoalan berkaitan semua agama mempunyai kepercayaan yang berbeza mengenai konsep kehidupan selepas mati di mana hampir majoriti responden (87.9%) bersetuju bahawa semua agama mempercayai kehidupan selepas mati dengan kepercayaan yang pelbagai. Meskipun semua manusia meyakini bahawa kematian itu pasti, tetapi terdapat pelbagai pandangan berkaitan alam atau apa yang akan berlaku selepasnya. Dalam Islam, setiap nyawa akan dibangkitkan kembali untuk dihisab dan dibalas sama ada syurga atau neraka. Kepercayaan ini berbeza dengan agama lain seperti hindu yang mempercayai kitaran hidup dan mati berlaku secara berterusan sehingga tahap Atma (jiwa) mencapai moksha (Srinaningsih, 2015). Konsep reinkarnasi ini juga wujud dalam agama buddha sebagai kaedah pembalasan atas perbuatan manusia semasa kehidupan semasa mereka (Ali Mursyid, 2021).

Berhubung asal penciptaan manusia pula, 87.4 peratus responden bersetuju bahawa semua manusia berasal daripada Adam AS. Namun, satu perkara yang perlu diberikan perhatian ialah responden bakinya yang sama ada tidak bersetuju (1.6%) atau memilih untuk tidak menyatakan jawapan (11.2%) berkaitan Nabi Adam AS sebagai bapa semua manusia. Kepercayaan bahawa Nabi Adam AS sebagai bapa manusia melambangkan persamaan asal usul setiap manusia sehingga tidak wajar berlaku diskriminasi dan keganasan antara satu dengan yang lain. Namun, pegangan sains terhadap teori Darwin menyatakan manusia mempunyai nenek moyang yang sama dengan kera di samping manusia juga berasal daripada makhluk lain yang hidup

sebelumnya. Kajian Dharma et al. (2019) menunjukkan mahasiswa mempunyai dua sisi pandang berhubung asal usul manusia iaitu dari segi sains dengan merujuk kepada teori Darwin dan dari segi agama iaitu manusia berasal daripada Nabi Adam AS yang diciptakan dari tanah. Pandangan sebegini wujud kesan daripada sekularisasi ilmu sains yang telah dilakukan sejak ratusan tahun lalu. Penerimaan Muslim terhadap teori evolusi Darwin boleh menjejaskan akidah kerana dalam al-Quran berulang kali dinyatakan bahawa penciptaan manusia daripada Nabi Adam AS. Kajian Faszly et al. (2019) menegaskan bahawa teori sains Darwin boleh dipertikaikan dengan merujuk kepada al-Quran berdasarkan tiga aspek iaitu unsur kejadian manusia, pengkategorian makhluk dan pensejaraan ketamadunan manusia.

Bagi item C08 iaitu kenyataan bahawa perbezaan agama tidak menjadi penghalang untuk berlaku adil, dapatan menunjukkan majoriti responden bersetuju dengannya. Ini juga boleh dikatakan selari dengan pernyataan seterusnya bahawa semua agama tidak menyokong keganasan yang dipersetujui oleh majoriti responden (93.1%). Pernyataan ini merupakan kenyataan asas penting dalam memupuk keharmonian antara agama. Majoriti responden (92.1%) juga memahami bahawa semua manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu tauhid.

Seterusnya berkaitan dengan aspek kepelbagaian agama, majoriti responden (84.4%) memahami bahawa setiap agama mempunyai nilai- nilai kesejagatan yang sama. Perkara ini berkait dengan persetujuan majoriti mereka (91.6%) terhadap item selanjutnya iaitu setiap agama mementingkan keharmonian antara agama. Dapatan ini menunjukkan keterbukaan responden dalam berhadapan dengan agama lain tanpa sebarang prejudis atau buruk sangka walaupun berbeza agama.

Majoriti mereka (89.7%) juga memahami bahawa dialog antara agama perlu dilakukan secara berhemah tanpa memandang rendah terhadap agama lain. Ini kerana mereka (84.7%) berpandangan bahawa dialog antara agama seharusnya membawa manfaat ke arah mewujudkan keharmonian hidup masyarakat berbilang agama. Justeru, majoriti mereka (86.1%) memahami bahawa dialog antara agama perlu berlandaskan kepada tauhid dan ilmu perbandingan agama. Sebahagian responden (67.5%) melihat bahawa dialog antara agama ini sebagai satu perkara yang positif dan dianjurkan dalam setiap agama. Prinsip yang perlu dipatuhi dalam dialog antara agama ini pula ialah tidak melakukan cercaan kepada Tuhan agama lain, kerana akan berlaku balasan yang serupa daripada penganut agama selain Islam (Setiyawan et al. 2020). Firman Allah SWT:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ  
إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ١٠٨

Maksudnya:

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan. Ayat ini menjelaskan bahawa agama Islam amat menghargai perbezaan agama yang dianut tanpa melakukan cela-mencela antara satu agama sama agama lain.

Surah Al-An'am (6):108

Berkait dengan toleransi agama, majoriti responden (92.8%) memahami toleransi dalam Islam tidak bermaksud memandang rendah terhadap agama lain. Toleransi dalam Islam juga difahami oleh sebahagian besar responden (87.6%) sebagai bersifat terbuka kepada amalan dan budaya agama lain. Hanya lebih daripada separuh responden (62.6%) memahami bahawa toleransi dalam Islam tidak berlaku dalam isu akidah. Seterusnya, bagi item C20 berkaitan memahami Islam sebagai agama yang benar tanpa menafikan kewujudan agama lain didapati tidak sampai majoriti responden (88.2%) bersetuju dengan pernyataan ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden secara umumnya bersetuju dan memahami konsep toleransi agama dalam Islam tetapi tidak begitu menguasai perincian konsep tersebut.

Toleransi diertikan sebagai perkongsian harmoni berikutan nilai-nilai agama yang mempunyai banyak persamaan membolehkan penganut antara agama boleh hidup secara harmoni secara fungsional tanpa menggadaikan aspek substansial (akidah) dalam agama (Nur Azuki, T.th). Kajian ini mencapai rumusan yang hampir sama seperti kajian Mutsalim & Jaffary (2014) yang menemukan bahawa tahap toleransi mahasiswa Islam dan Buddha di Thailand adalah baik berdasarkan aspek pergaulan dengan penganut agama lain serta sikap saling menghormati ajaran, pemikiran dan budaya agama lain. Manakala dari aspek berkaitan dengan fiqh persaudaran, berjiran dan berkawan dengan rakan yang berbeza agama didapati tahap toleransi berada pada tahap sederhana. Ini kerana ia berkaitan dengan syariat Islam yang menetapkan batasan tertentu seperti pengharaman menyambut perayaan agama lain, menghadiri jamuan agama lain yang menghidangkan makanan yang diharamkan dan seumpamanya.

### 5.3 Perbezaan tahap kefahaman mahasiswa berdasarkan fakulti

Jadual 8 menunjukkan keputusan analisis inferensi bagi melihat perbezaan tahap kefahaman mahasiswa terhadap isu perbandingan agama berdasarkan perbezaan fakulti.

Jadual 8 Keputusan Anova Satu hala

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	Sig. (p)
Antara Kumpulan	1.862	6	0.310	1.813	0.095
Dalam Kumpulan	63.657	372	0.171		
	65.519	378			

Signifikan pada aras 0.05

Hasil ujian Anova Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan mahasiswa berkaitan ilmu perbandingan agama berdasarkan fakulti seperti yang ditunjukkan oleh nilai  $F = 1.813$  dan  $p = 0.095 > 0.05$ . Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman mahasiswa mengenai isu-isu perbandingan agama berdasarkan fakulti. Dapatan ini selari dengan pandangan Nwosu (2021) bahawa ilmu ini berkaitan dengan sikap objektif yang ada dalam diri. Ini kerana ilmu perbandingan agama menggunakan pendekatan pensejarahan dan fenomenologi untuk memahami agama-agama yang berbeza

berdasarkan kaca mata setiap agama itu sendiri tanpa meletakkan piawai tertentu sebagai pengukur. Maka, meskipun berbeza fakulti ia tidak mempengaruhi tahap kefahaman mahasiswa terhadap ilmu perbandingan agama selagi mereka mempunyai sikap adil dalam mengenali persamaan dan perbezaan antara agama.

## 6. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhan mahasiswa mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap isu-isu perbandingan agama. Justeru, perkara atau isu berkaitan perbandingan agama ini perlu diperkasakan lagi bagi merealisasikan tujuan agama dalam aspek misi kemanusiaan, melindungi jiwa juga meraikan kebebasan berfikir ke arah pembangunan masa depan masyarakat yang baik. Tokoh-tokoh agama perlu berperanan secara proaktif dengan mengadakan dialog untuk mendapatkan kata putus tentang langkah intervensi yang perlu diambil Bersama oleh semua agama terutama apabila melibatkan pihak yang berkonflik. Ini selari dengan prinsip bahawa semua agama tidak mempromosi keganasan baik sesama pengikutnya atau terhadap penganut agama lain (Mohamad Najib, 2005). Dialog antara agama merupakan satu kaedah terbaik dalam menyuburkan budaya toleransi agama.

Para pemimpin juga perlu terlibat secara langsung dalam menyelesaikan isu perkauman dengan melakukan tindakan yang progresif, sehingga dapat mengelakkan perbalahan antara kaum. Masyarakat perlu sentiasa diingatkan untuk kekal dalam keharmonian dan tolak ansur antara agama. Tambahan pula apabila ada kelompok yang membuat dakwaan tidak berasas dengan memutar belitkan isu seperti keistimewaan agama Islam sebagai agama rasmi. Jika tidak ditangani oleh pihak kerajaan, ia boleh mencalarakan keharmonian antara masyarakat di Malaysia (Setiyawan, 2020).

Selain itu, mahasiswa juga didapati menyambut baik dan menerima konsep toleransi agama dalam Islam. Semangat ini juga boleh ditambah baik lagi supaya sikap toleransi tidak hanya berkisar hubungan kemanusiaan semata-mata tetapi juga perlu diberi kefahaman bagaimanakah konsep toleransi dalam aspek keagamaan (Kafid, 2015). Mahasiswa perlu tahu batasan dalam toleransi akidah seperti hak penganut agama lain, hak untuk beribadah, hak mendirikan tempat ibadah supaya setiap daripada mereka boleh mempertahankan akidah masing-masing tanpa mencerooboh dan mengancam kepercayaan pihak lain. Semua ini boleh diperolehi melalui pendedahan dan kefahaman sebenar terhadap ilmu perbandingan agama.

Kepentingan ilmu perbandingan agama tidak hanya dari segi mengurangkan potensi berlakunya konflik agama tetapi juga penting dalam berhadapan dengan ancaman modernisme yang mempromosikan idea sekular dalam masyarakat atas alasan agama tidak lagi relevan. Perkembangan agama di Barat juga memperlihatkan bagaimana agama hanya fokus kepada persoalan berkaitan kebajikan manusia seperti isu etika tetapi mengabaikan aspek kerohanian atau kuasa luar biasa (supernatural). Sedangkan antara fungsi agama ialah sebagai pembentuk budaya, pembangun karakter, pembina masyarakat, menyediakan makanan spiritual bagi mereka yang inginkannya, menjelaskan kosmologi manusia dan membimbing mereka. Maka, ilmu perbandingan agama mendedahkan persamaan dan perbezaan antara agama tanpa sikap berat sebelah serta mengkaji hubungan antara manusia dengan realiti sakral (sacred reality) (Nwosu, 2021).

Sebagai kesimpulannya, agama merupakan keperluan dalam masyarakat yang tidak mungkin diabaikan secara sepenuhnya. Bahkan, ia boleh dikembangkan dengan mempelajari ilmu perbandingan agama. Ilmu ini penting sebagai asas kepada toleransi agama dalam masyarakat majmuk dan perlu diterapkan kepada para pelajar dari pelbagai peringkat termasuklah mahasiswa universiti. Selain daripada pendidikan, peranan pemimpin dan tokoh agama juga penting supaya ilmu ini tidak menjadi sebab untuk masyarakat bersikap tidak adil terhadap agama lain sehingga menimbulkan konflik antara agama.

### Penghargaan

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) di bawah projek bertajuk 'Kefahaman Ilmu Perbandingan Agama dalam Kalangan Mahasiswa di IPTA Negeri Selangor,' Kod Projek 210005127.

### Rujukan

- Abdullah, M. R. T. L., Al-Amin, M. N., Yusoff, A., Baharuddin, A., Khir, F. A., & Talib, A. T. (2016). Socio-religious harmony index instrument indicators for Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(2), 29–44.
- Abdul Rahman Rukaini. (2001). *Siri Teras Ulum Islamiah: Akhlak Membangun Jati Diri*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.
- Aemy Elyani Mat Zain & Nur Azimah Abdul Aziz. (2017). Integrasi antara dakwah dan perbandingan agama: Tinjauan literatur. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 1-7, <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/nilaisejagat/07-AEMY-ELYANI-MAT-ZAIN.pdf>
- Aemy Elyani Mat Zain & Jaffary Awang. (2018). Sumbangan Ahmed Deedat dalam ilmu perbandingan agama. Kertas kerja. *3rd International Seminar on Islamic Thought*, 112-120. [https://www.researchgate.net/publication/327671378\\_Sumbangan\\_Ahmed\\_Deedat\\_dalam\\_Ilmu\\_Perbandingan\\_Agama](https://www.researchgate.net/publication/327671378_Sumbangan_Ahmed_Deedat_dalam_Ilmu_Perbandingan_Agama)
- Al-Mubarakfuri, Sofi Al-Rahman. (2005). *Sirah Rasulullah SAW*. Shah Alam: Kumpulan Usahawan Muslim.
- Al-Qardawi, Yusof. (1989). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2003). *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wal-Syariah wa al-Manhaj*, Jil. 2. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Ali Mursyid Azisi. (2021). Konsep kematian dalam perspektif agama Buddha Theravada. *Al-Adyan: Jurnal Studi Lintas Agama* 16 (1), 95-118. <https://doi.org/10.24042/ajsla.v16i1.8018>
- Dharma Ferry, Tomi Apra Santosa, Dairabi Kamil. (2019). Pengetahuan mahasiswa institut agama Islam negeri Kerinci tentang teori asal usul manusia. *Bioeduca: Jurnal Pendidikan Biologi* 1(1), 11-16.

- Enyioma E. Nwosu. (2021). Comparative Study of Religion. In book: *Methods, Theories and Issues in the Study of Religion* (Maiden Edition). Stiffaith Print & Co: Nigeria
- Fazilah Idris, Khadijah Muda, & Khairul Anwar Mastor. (2019). Pembentukan model toleransi beragama belia pelbagai etnik di Malaysia. *AKADEMIKA*, 89(2), 33–42.
- Faszly Rahimi, Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Aulia Rahman, Izfa-Riza Hazmi, Wan Juliana Wan Ahmad & Mohd Yusof Othman. (2019). Asal-usul kejadian manusia menurut al-Qur'an dan teori Darwin: Merungkai hubungkait manusia dengan makhluk lain berdasarkan kerangka bersepadu sains tauhidik dengan nas-nas al-Qur'an. Kertas kerja. e-Proceedings of International Seminar on Islam and Science 2019, 340-361.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Ed. 2. KL: Universiti Malaya.
- Hadi Kusuma, J., & Susilo, S. (2020). Intercultural and Religious Sensitivity among Young Indonesian Interfaith Groups. *Religions*, 11(1), 26. <https://doi.org/10.3390/rel11010026>
- Hamid, S. A., & Khambali, K. M. H. @. (2015). Pemerkasaan Keharmonian Masyarakat Beragama: Rujukan Pendekatan al-Biruni Berdasarkan Karyanya Kitab Al-Hind. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 16(1), 1–30. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol16no1.1>
- HM Zainuddin. (2013). Pluralisme agama sebagai sebuah realitas. *GEMA*. Dipetik daripada <https://uin-malang.ac.id/r/131101/pluralisme-agama-sebagai-sebuah-realitas.html> pada 8 Julai 2022.
- Israr Khalid. (2016, April 12). Dr Zakir dibenar berceramah di Melaka, tetapi perlu tukar tajuk. *Astroawani.com*.
- Kafid, N. (2015). AGAMA DI TENGAH KONFLIK SOSIAL: Tinjauan Sosiologis Atas Potensi Konflik Keberagaman Agama di Masyarakat. *Al-A'raf : Jurnal Pemikiran Islam Dan Filsafat*, 12(1), 1–13. <https://doi.org/10.22515/ajpif.v12i1.1180>
- M. Riyan Hidayat, Nurun Nissa Baihaqi, Najamuddin, Mahfidhatul Khasanah, dan Aidah Mega Kumalasari. (2021). Studi komparatif konsep nabi dan kenabian agama Islam dan Kristen Mormon Al-Hikmah: *Jurnal Studi Agama-Agama* 7(2), 198- 217.
- Mahmad, M. A., Rahman, M. N. A., & Zain, A. M. (2018). Prinsip Toleransi Beragama Dalam Islam Asas Keharmonian Masyarakat Majmuk. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 69 - 79.
- Meerangani, K. A., Ibrahim, A. F., & Mat Johar, M. H. (2018). Prinsip asas interaksi inter-agama di Malaysia menurut perspektif Islam. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan 2018*, 872–885.
- Muthaliff, M. M. A., Rahman, M. R. A., Mahyuddin, M. K., Mokhtar, A. N., & Ahmad, Y. (2016). Religious harmony and peaceful co-existence: A quranic perspective. *'Abqari Journal*, 7(1), 47–62. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol7no1.148>

- Mohammad Najib. (2005). Agama dan Resolusi Konflik dalam Pilkada. *UNISIANO* 58/XXVII1/IV/2005, 415-424
- Mutsalim Khareng dan Jaffary Awang. (2014). Toleransi beragama dan implikasinya dalam kalangan mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5 (2), 1-14.
- Nisar Mohammad Ahmad dan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. (2018). Hak Asasi Manusia dari Perspektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia: Isu dan Penyelesaian. Kertas kerja. Prosiding International Seminar on Syariah and Law 2018.
- Nurhanisah Senin, Mustafa Kamal Amat Misra dan Nazneen Ismail. (2021). Monoteisme dalam wacana agama: Analisis menurut perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Islam* 14 (1), 102-117.
- Nur Azuki bin Yusuff. (T.th). Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya. Kertas kerja Diskusi/Monolog Dan Dialog (Jab. Usuludin FPI UKM & Kump Penyelidikan Interaksi Agama PTS-2011- 101). Hlm. 1- 13
- Nur Farhana, A. R. (2016). Panduan Toleransi Agama Dalam Hubungan Muslim-Kristian Malaysia Melalui Pendekatan Ismail Al-Faruqi. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah]. Universiti Malaya.
- Pulungan, Syahid Muammar (2014) Keunggulan memahami agama berdasarkan metodologi perbandingan agama. *HIKMAH: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi Islam*, 8 (1), 84-97.
- Rafiq Ahmad & Haroon Idrees. 2015. The life and works of Ahmed Deedat: A muslim scholar of Christian Bible. *Al-Idah* 31 (December). Hlm.159-179.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. (2011). Dialog antara agama: Realiti dan prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2) -91-110.
- Rahman, N. F. A., Khambali, K. M., Awang, J., Yaakob, Z., & Shapiee, N. S. (2020). Memahami Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia. *Akademika*, 90(2), 165–179.
- Rahman, N.F.A., Muhammad Shah, N.S. (2020). Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang. *International Journal of Islamic Thought*, 18 (Dec), 95-109
- Sekaran, U. and Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. 7th Edition, Wiley & Sons, West Sussex.
- Setiyawan Gunardi, Mualimin Mochammad Sahid, Nur Mohammad Hadi Zahalan. (2020). Konsep harmoni yang dinamik dalam kehidupan beragama di Malaysia melalui pendekatan Maqasid Syariah. *Journal al- 'Abqari*, 23 (2), 157-166.
- Srinaningsih. (2015). Konsep hidup sesudah mati dalam agama Islam dan Hindu. Skripsi Sarjana. UIN Syarif Kassim Riau.

- Toha, Anis Malik (2010) Konsep wahyu dan nabi dalam Islam. In: Workshop on Islamic Epistemology and Education Reform, 27 March 2010, Universitas Islam Negeri (UIN), Pekanbaru, Indonesia. [http://irep.iium.edu.my/3167/1/KONSEP\\_WAHYU\\_DAN\\_NABI\\_DALAM\\_ISLAM\\_-\\_Pekanbaru.pdf](http://irep.iium.edu.my/3167/1/KONSEP_WAHYU_DAN_NABI_DALAM_ISLAM_-_Pekanbaru.pdf)
- Umar Hasyim. (1979). *Toleransi dan kemerdekaan beragama dalam Islam sebagai dasar menuju dialog dan kerukunan antara agama*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Wan Razali, W. M. F. A. (2018). Tema-Tema Ilmu Kajian Agama dalam Muqaddimah Ibn Khaldun: Satu Perbahasan Ringkas: Themes of Religious Study in Ibn Khaldun's Muqaddimah: A Discussion. *Sains Insani*, 3(2), 38-45. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.59>
- Wan Razali, W. M. F. A., Abd Rahman, M. R., & Awang, J. (2017). Watt's View on Muslim Heritage in The Study of Other Religions: A Critical Analysis. *Al-Itqan: Journal Of Islamic Sciences And Comparative Studies*, 1(1). <https://doi.org/10.31436/al-itqan.v1i1.11>